

15 pelajar UITM usaha madu Bee Friendz bantu keluarga B40

13 Dec 2020 [+7 more](#)

Pontian: Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sejak Jun lalu membuka ruang kepada 15 pelajar Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Pasir Gudang membantu keluarga B40 di Kampung Melayu Raya, Pekan Nenas, di sini, menjana pendapatan tambahan melalui perusahaan madu Bee Friendz.

Ketua projek itu, Muhammad Rasydan Abd Rashid, 19, berkata perusahaan Bee Friendz dimulakan Julai lalu, dengan membekalkan dua rumah lebah kepada setiap lima

Pertandingan Penciptaan Inovasi Antarabangsa pada bulan lalu.

“Produk ini juga dijual dalam kalangan warga UITM sendiri, menerusi akaun media sosial Instagram dan Facebook Bee

keluarga terpilih, untuk menternak lebah bagi menghasilkan madu kelulut.

Beliau berkata, madu ini akan dituai sekurang-kurangnya sekali sebulan, bergantung kepada cuaca untuk dijadikan produk akhir seperti sabun dobi, sabun tangan, sabun muka dan minuman berasaskan madu.

“Di Bee Friendz, kami menghasilkan enam jenis produk, iaitu madu kelulut asli yang dijual RM40 bagi 100 mililiter, sabun

Friendz,” katanya.

Sementara itu, penyelia program Bee Friendz yang juga Pensyarah Kanan Unit Kimia, Fakulti Sains Gunaan UITM Kampus Pasir Gudang, Munirah Onn berkata,

propolis dobi, sabun propolis tangan, sabun muka, sabun badan dan kelulut e-book untuk memberi bimbingan kepada masyarakat yang berminat menternak madu kelulut,” katanya.

Beliau berkata, walaupun kuantiti produk dihasilkan kecil ketika ini, ia sentiasa laris kerana permintaan tinggi, selain kualiti produk terjamin.

“Ini dibuktikan dengan pengiktirafan diterima, iaitu Anugerah Silver Awards dalam

projek itu sebahagian inisiatif Mahasiswa Harapan Masyarakat atau dinamakan Duta Jauhar, bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat Johor.

“Projek seperti ini penting kerana pembelajaran pada peringkat universiti tidak terhenti di dalam kelas, sebaliknya perlu memberi impak positif kepada masyarakat luar,” katanya.

Munirah berkata, projek berkenaan dipilih pihaknya kerana ia mudah dilaksanakan, selain bersesuaian dengan jumlah dana RM5,000 disalurkan Yayasan Pelajaran Johor untuk inisiatif berkenaan.

Disclaimer : Perpustakaan Tun Abdul Razak,UITM

This material may be protected under Malaysia Copyright Act which governs the making of photocopies or reproductions or copyrighted materials. You may use the digitized materials for private study, scholarship or research.

Copyright © Kosmo. All Rights Reserved

Source: The Star